

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI - PAS]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 60)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) kos Sambutan Hari Belia Negara 2014 di Putrajaya dari 22 hingga 25 Mei 2014 dan kesemua kos sambutan di peringkat Daerah juga kos Festival Belia Putrajaya; dan
- (b) keberkesanan Sambutan Hari Belia Negara yang diadakan setiap tahun, dari segi memperkasakan generasi muda dari sudut moral dan daya saing.

JAWAPAN (a)

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan sambutan Festival Belia Putrajaya adalah berjumlah RM10 juta sahaja.

JAWAPAN (b)

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian tidak pernah gagal dalam meraikan sambutan Hari Belia Negara sejak tahun 1964 (sempena penubuhan kementerian Belia dan Sukan (KBS). Kejayaan negara dalam meraikan sambutan Hari Belia Negara setiap tahun membuktikan betapa tingginya pengiktirafan kerajaan kepada generasi belia Malaysia.
2. Merujuk kepada pelaporan yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan melalui kajian Impak dan keberkesanan Hari Belia Negara bagi tahun 2011 sehingga 2013 menunjukkan peratusan yang tinggi bagi aspek penganjuran, hiburan, pendidikan, informatif serta kesukanan. Secara keseluruhannya, perayaan dan sambutan Hari Belia Negara telah menjadi platform bagi generasi muda bagi mempamerkan dan menunjukkan pelbagai kebolehan, kreativiti, sifat daya saing yang

tinggi dalam pelbagai bidang kehidupan melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini, pihak kementerian telah melakukan pembaharuan dari segi format pelaksanaan Hari Belia Negara dengan mengambil kira pelaksanaannya di peringkat akar umbi iaitu melibatkan pelaksanaan di peringkat daerah, negeri dan seterusnya peringkat kebangsaan di Putrajaya bagi memastikan penjenamaan dan festival ini dapat dirasai di peringkat akar umbi. Pendekatan ini dilihat dapat merakyatkan dan mengakar-umbi lagi Hari Belia Negara dengan tema "Dari Belia Untuk Belia".
4. Selain itu, pelaksanaan aktiviti pada tahun ini memberikan penekanan khususnya dalam aspek kerohanian dan modal insan melalui aktiviti seperti pertandingan tilawah Al-Quran, nasyid, kompang formasi yang menjadi acara pembukaan bagi setiap aktiviti di peringkat daerah dan negeri. Bagi pembuka tirai Festival Belia Putrajaya 2014, kementerian buat pertama kalinya melaksanakan Program Belia Berselawat dengan menjemput para belia berkumpul dan berselawat bersama. Program ini telah berjaya menarik minat ribuan belia untuk berhimpun dan berselawat. Pihak kerajaan yakin dengan aktiviti seperti ini dilihat sebagai satu kaedah yang tepat dalam memperkasakan aspek kerohanian belia di negara ini dengan menampilkan aktiviti berteraskan elemen keagamaan dan suntikan kerohanian.

Sekian, terima kasih.